



اَوْنُوْرَسِيْتِي تِيْكَوْلُوْجِيْ مِيْاَرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021

November



2 November 2021

Kursus kemahiran tingkat kompetensi penjawat awam



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UITM)

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Proses membina dan memulih semula negara pada era transisi ke fasa CO-VID-19 sebagai endemik, suatu yang menyeluruh. Ia bukan sekadar menumpukan bidang tertentu, namun secara kasarnya seakan ketara kepada pemulihan sektor paling terjejas iaitu ekonomi dan sosial.

Namun, hakikatnya semua sektor dijangka bangkit dan merangka pelan strategi mampan untuk beroperasi seperti sedia kala. Pengoperasian sepenuhnya sektor awam negara juga tidak terkecuali.

Antara langkah dikenal pasti boleh memacu sektor awam untuk kembali berdaya saing termasuk inisiatif pemerksaan menyeluruh penjawat awam.

Penjawat awam, khususnya daripada kumpulan perkhidmatan sokongan, hampir kebanyakannya dikehendaki bekerja dari rumah sebelum ini, mungkin sudah pudar semangatnya.

Mungkin akibat tekanan dan cabaran mengimbangi kehendak kerja pejabat dan tugas sebagai ahli keluarga di rumah.

Apa dibimbangkan kemerosotan prestasi kerja serta penurunan tahap kompetensi penjawat awam

ini. Tiada lagi kursus dan latihan dapat dihadiri, sama ada jangka pendek atau panjang, angkara pandemik.

Justeru, tahap kompetensi penjawat awam perlu disuntik tenaga baharu dan dipertingkatkan bagi menyahut seruan serta semangat Keluarga Malaysia dalam memulihkan kembali negara.

Satu kaedah berkesan melalui proses peningkatan kemahiran ataupun *upskilling*. Ia boleh dilakukan dengan menghadiri kursus pendek berakreditasi mahupun mendaftar diri untuk kursus pensijilan profesional.

Semua kursus ini banyak ditawarkan dalam negara oleh badan profesional dan institusi latihan sejak beberapa tahun lalu, malah ada yang mendapat pengiktirafan badan antarabangsa luar negara.

Secara umum, tahap kompetensi diri boleh dipertingkatkan melalui tiga cabang utama iaitu kompetensi umum, kompetensi khusus berdasarkan bidang dan kompetensi berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Kompetensi umum merujuk peningkatan kemahiran dan pengetahuan am dalam pelaksanaan pekerjaan. Ia boleh merangkumi segala aspek dan bidang umum, termasuk pengurusan masa, kemahiran berkomunikasi, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, kepemimpinan dan bahkan kerohanian.

Kompetensi khusus pula merujuk kursus berkait rapat bidang pengkhususan seperti pemasaran, pe-

ngurusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan perolehan.

Peningkatan kemahiran dalam kompetensi berte-raskan ICT pula dilihat satu keperluan sangat kritikal. Suasana bekerja dari rumah suatu masa dahulu mewujudkan keperluan untuk mempersiapkan penjawat awam ke arah situasi kerja lebih mesra digital.

Segala ilmu dan pengetahuan diperoleh ketika menduduki proses *upskilling* ini dijangka boleh dipamer dan dipraktis dalam proses kerja harian penjawat awam. Kemenjadian dan keberkesanan langkah peningkatan kemahiran ini juga boleh dinilai berdasarkan prestasi kerja mereka selepas menjalani kursus dan latihan.

Dari perspektif individu, apabila sudah menerima pensijilan profesional atau tamat kursus pendek berakreditasi dengan jayanya, nilai mereka sendiri akan melonjak naik. Ini boleh dijadikan kriteria penting ketika proses permohonan naik pangkat atau jawatan.

Hakikatnya, kerajaan sendiri memandang serius usaha menambah baik dan mempertingkatkan nilai kompetensi penjawat awam.

Sebagai insentif, had pelepasan cukai individu RM7,000 diperluaskan meliputi perbelanjaan menghadiri kursus *upskilling* atau *self-enhancement* mulai tahun taksiran 2021, terhad kepada RM1,000 bagi tujuan ini.

13 November 2021

Pengurusan rantai bekalan efektif pemangkin DAN 2.0



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantai Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Sektor pertanian negara masih gagah sebagai antara tunjang pembangunan ekonomi sejak 64 tahun lalu. Beberapa proses transformasi sudah dilalui bidang ini hingga kini.

Ini termasuk transformasi berskala besar seperti pelaksanaan Rancangan Buku Hijau pada 1974 dan penggubalan Dasar Agromakanan Negara 1.0 (DAN 1.0) bagi tempoh 2011-2020.

Fokus utama DAN 1.0 tertumpu kepada menjamin bekalan makanan negara mencukupi serta menjadikan sektor agromakanan kekal berdaya saing. Kejayaan jelas terbukti dengan sumbangan 6.8 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) 2020. Jumlah eksport bahan makanan pada tempoh sama juga meningkat kepada RM33.7 billion.

Kejayaan DAN 1.0 dijangka kekal mampan dan ditambah baik dengan pelancaran DAN 2.0 (2021-2030) baru-baru ini. Di samping mengekalkan teras sedia ada, DAN 2.0 dirangka untuk memberi tumpuan khusus pula kepada peningkatan sekuriti makanan negara.

Sekuriti atau jaminan makanan terdiri lima tonggak utama, iaitu ketersediaan makanan, akses kepada makanan, penggunaan bekalan makanan, kestabilan bekalan makanan dan malnutrisi pemakanan. Isu sekuriti makanan ini bukan merisaukan negara kita, bahkan turut membelenggu seluruh dunia.

Sektor agromakanan antara terkesan ketika pandemik, tidak kira di pihak pembekal mahupun pembeli di sepanjang rantai bekalan makanan.

Di pihak pembekal, pengeluaran khususnya hasil pertanian terjejas disebabkan guna tenaga tidak dapat menuai hasil dan pergerakan logistik untuk proses penghasilan seterusnya tergendala. Akibatnya, hasil agromakanan tidak dapat digunakan sebaiknya, bahkan terpaksa dibazirkan.

Di hujung rantai bekalan pula, pihak pembeli khususnya pengguna individu dan komersial terputus bekalan makanan. Ketersediaan bekalan makanan berkurangan, bahkan akses kepada makanan terhad.

Penutupan sektor tertentu seperti kedai makan dan pasar malam bukan hanya membantutkan operasi pengusaha dan peniaga berasaskan agromakanan, tetapi menyekat bekalan dapur pengguna.

Impak tidak terhenti di sini. Kesan domino terus melebar kepada ketidakstabilan bekalan makanan



Sektor agromakanan turut terkesan ketika pandemik akibat lambakan hasil dan pergerakan logistik tergendala.
(Foto hiasan)

yang memaksa kenaikan harga pasaran. Bekalan tidak menentu, di samping permintaan tinggi menyebabkan ada pihak cuba menanggung di air keruh.

Suasana di atas memberi kesan langsung terhadap corak dan trend pemakanan harian. Kadar malnutrisi akibat kekurangan bekalan makanan khususnya makanan berkhasiat dikatakan meningkat sepanjang tempoh hampir dua tahun ini.

Bagi menjamin semua komponen sekuriti makanan ditadbir urus dengan sewajarnya, satu ekosistem sistem rantai bekalan harus diwujudkan.

Pengurusan rantai bekalan yang jitu dan mengambil kira semua pemegang taruh, bertanggungjawab memastikan kesejahteraan semua aspek sekuriti makanan tidak terabai.

Pengurusan rantai bekalan ini harus dilaksanakan secara menyeluruh bagi mengelak ada yang tercicir seperti mereka di luar bandar ataupun daripada golongan B40.

Selain pengguna, lazimnya pemegang taruh atau pihak berkepentingan dalam sistem rantai bekalan terdiri pengeluar makanan utama, pembuat dan pengilang makanan, persatuan pengguna, pengimport dan pengeksport, peruncit serta kementerian dan agensi kerajaan.

Setiap pemegang taruh ini mempunyai agenda dan kepentingan tersendiri dalam keperluan jangka masa pendek dan panjang. Sememangnya pemegang taruh berasaskan perniagaan konvensional akan cuba mencapai objektif memaksimumkan keuntungan.

Namun, bagi merealisasikan hasrat terkandung dalam dasar ini, semua pemegang taruh dalam ekosistem ini harus berkorban mendukung prinsip utama pengurusan rantai bekalan yang efektif bahawa semua dalam rantai bekalan harus bekerjasama dan berkompromi dalam setiap tindakan untuk mencapai tahap perkhidmatan optimum khususnya kepada pengguna akhir.

Oleh itu, bagi memastikan DAN 2.0 dapat mengembalikan sektor ini ke landasan tepat, serta memacu pembangunan bagi memulihkan semula ekonomi negara, sistem pengurusan rantai bekalan sektor agromakanan harus juga diperkasakan.

28 November 2021

Pengurusan strategik bendung risiko gelombang baharu pandemik



Oleh Prof Madya Dr Melissa
Shahrom dan Dr Ariff Azly
Muhammed
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
di Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Perniagaan
dan Pengurusan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Puncak Alam

Pembukaan sektor ekonomi dan kebenaran rentas negeri memberi sinar baharu kepada perniagaan dan penggiat ekonomi selepas sekian lama terjejas akibat penularan pandemik.

Namun, langkah itu turut mengundang impak kepada sektor kesihatan awam apabila kes jangkitan harian COVID-19 masih pada paras membimbangkan.

Justeru, beberapa langkah wajar dipertimbangkan demi mengelak berlakunya gelombang baharu COVID-19 di Malaysia. Pertama, menggalakkan pengambilan dan mempercepatkan pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 kepada penerima.

Berdasarkan statistik semasa Kementerian Kesihatan (KKM), sehingga 24 November lalu suntikan dos penggalak hanya pada kadar 6.78 peratus daripada jumlah individu yang lengkap dua dos vaksinasi.

Statistik ini menunjukkan kadar suntikan dos penggalak masih rendah berbanding negara jiran seperti Singapura (13.1 peratus). Berdasarkan kajian diterbitkan jurnal *The Lancet*, paras antibodi COVID-19 individu lengkap menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19 boleh berkurangan melebihi 50 peratus selepas 10 minggu.

Dapatan kajian ini diperkukuhkan laporan KKM apabila penerima vaksin Sinovac menyumbang kira-kira 84 peratus daripada kes COVID-19 serius dalam kalangan penerima vaksin.

Statistik ini menunjukkan satu pola membimbangkan. Justeru, KKM perlu mengambil langkah drastik mempercepatkan pemberian dos penggalak vaksin COVID-19.

Elemen penguatkuasaan undang-undang juga antara langkah strategik. Malaysia mengguna pakai Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau lebih dikenali Akta 342. Sehingga kini, nilai kompaun minimum dikenakan terhadap individu atau organisasi yang melanggar akta ini menyebabkan pesalah mengambil ringan kesan dan akibat melanggar prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan.

Menaikkan kadar kompaun terhadap individu atau organisasi yang gagal mematuhi SOP wajar dilaksanakan kerajaan dalam membendung gelombang baharu COVID-19.

Pematuhan SOP sektor ekonomi seperti sektor pembuatan dan pelancongan juga penting dalam membendung gelombang baharu jangkitan COVID-19. Ini kerana, pembukaan sektor ekonomi berskala penuh di negeri Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN) berpotensi menyebabkan gelombang baharu berpunca ketidakpatuhan SOP di tempat kerja.

Berdasarkan statistik KKM, lebih 85 peratus jangkitan COVID-19 berlaku di tempat kerja. Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) perlu meningkatkan pemantauan berkala dalam menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

Penguatkuasaan Akta 446 penting dalam mengelakkan tercetusnya kluster baharu berpunca daripada jangkitan di tempat kerja, sekali gus menyebabkan berlakunya gelombang baharu COVID-19.

Pihak industri juga wajar mewajibkan serta melakukan ujian saringan COVID-19 berkala kepada pekerja. Ujian pengesanan secara berkala penting bagi memastikan persekitaran tempat kerja selamat dan bebas risiko jangkitan.

Kebeneran rentas negeri kepada individu juga perlu diperketatkan sebagai langkah strategik membendung gelombang baharu COVID-19.

Kebeneran diberi kepada individu yang sudah lengkap dua dos vaksin amat tepat dilaksanakan. Namun, kelonggaran penguatkuasaan menyebabkan individu belum lengkap dua dos vaksin mengambil kesempatan melakukan perjalanan merentas negeri.

Kerajaan perlu mewujudkan satu sistem pengawasan elektronik dalam mengawal pergerakan individu yang belum lengkap dos suntikan vaksin.

Sebagai contoh, boleh mengguna pakai sistem tanpa tunai pembayaran tol seperti Touch & Go, SmartTag dan sistem Pengecaman Fungsi Radio (RFID) yang diintegrasikan bersama data aplikasi MySejahtera untuk menyekat perjalanan individu yang belum lengkap dos suntikan vaksin di plaza tol.

Teknik ini akan menjimatkan penggunaan sumber tenaga Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melakukan pemantauan.

Kesimpulannya, dalam mencegah risiko kewujudan gelombang baharu COVID-19, kerjasama antara pemegang taruh seperti kerajaan melalui kementerian berkaitan, penggiat industri dan segenap lapisan masyarakat sangat penting.

Tentunya, kita tidak ingin terus menyaksikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan kembali.

Oleh itu, sebagai sebuah keluarga Malaysia, setiap pihak harus bertanggungjawab memastikan episod hitam jangkitan pandemik yang meragut ribuan nyawa tidak berulang.

Kerjasama semua pihak atasi kenaikan harga barang



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Pasca COVID-19 fasa sukar terutama kepada usahawan, di mana mereka perlu berusaha mengukuhkan perniagaan demi kelestarian perniagaan dijalankan.

Menyedihkan, ada segelintir mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya dengan memberi pelbagai alasan.

Senario sebegini tidak sepatutnya berlaku di kala kita semua berusaha memulihkan kembali sosioekonomi pasca COVID-19.

Satu persoalan perlu diberi perhatian apakah punca berlakunya peningkatan terbabit. Adakah disebabkan kekurangan bekalan dalam pasaran atau wujud

sebarang bentuk pakatan dalam pasaran barang keperluan di negara ini.

Apabila senario ini wujud, sudah semestinya mereka akan mengawal atau memanipulasi harga barang keperluan asas dalam pasaran. Akhirnya, pihak terbabit akan mengaut keuntungan berlipat ganda hasil tekanan mereka lakukan.

Ini kerana, objektif utama pihak ini hanyalah satu iaitu untuk memaksimumkan keuntungan semata-mata, tanpa mengira kesukaran dan kesusahan dihadapi pihak lain iaitu pengguna.

BH pada 25 November lalu melaporkan satu syarikat pengeluar produk roti di Semenanjung Malaysia mengumumkan akan ada kenaikan harga pada produk keluaran syarikat terbabit, susulan kenaikan harga bahan mentah seperti tepung, tepung gandum penuh, lemak sayuran, serbuk koko, susu dan pembungkusan.

Jelas sekali kenaikan harga barang dibuat atas faktor kenaikan bahan asas digunakan dalam pengeluaran produk. Jika tiada kenaikan harga barang, syarikat mungkin sukar menampung kos pengeluaran memandangkan kos bahan mentah sudah meningkat.

Apabila kenaikan harga bahan asas berlaku, harga barang dikeluarkan akan turut mengalami peningkatan. Inilah ekosistem yang perlu difahami pengguna.

Oleh itu, bagi mengelak berlakunya peningkatan harga barang, kawalan harga ke atas bahan mentah atau asas perlu dilakukan.

Tidak dinafikan sebagai peniaga atau pemborong, sudah semestinya keuntungan menjadi objektif utama. Namun seharusnya keuntungan hendak diper-



Penyediaan dana kepada sektor agromakanan antara inisiatif untuk menangani isu peningkatan harga bahan makanan.
(Foto hiasan)

oleh perlulah memadai dan janganlah terlalu berlipat ganda.

Mungkin peniaga tiada pilihan menaikkan harga memandangkan mereka juga membeli daripada pemborong dengan harga tinggi. Demi mendapat sedikit keuntungan, akhirnya mereka terpaksa meletakkan harga sedikit tinggi.

Demi mengawal kenaikan harga barang ini, kerjasama bukan hanya diperlukan daripada peniaga semata-mata, malah pemborong juga. Seandainya tiada kerjasama pelbagai pihak, sudah semestinya krisis kenaikan harga barang tiada berkesudahan.

Antara inisiatif diambil kerajaan dalam menangani isu peningkatan harga bahan makanan adalah dengan menyediakan dana sebagai pinjaman dalam sektor agromakanan.

Dengan adanya dana ini, ia dapat membantu usahawan petani dalam meningkatkan hasil pertanian dan seterusnya mengurangkan kadar import barang berkenaan dari negara luar.

Disamping itu, pemantauan lebih komprehensif dan proaktif juga perlu dilakukan bagi memastikan aktiviti yang banyak memberi tekanan dan bebanan kepada pengguna perlu dibanteras segera.

Jalanan kerjasama dengan pelbagai agensi perlu dilakukan supaya kerajaan tidak bersendirian dalam menangani isu kenaikan harga barang ini.

Dengan adanya pelbagai akta dan undang-undang, ia akan membantu kerajaan mengawal serta menangani isu kenaikan harga barang yang kadang tiada kawalan ini.

Kita sebagai pengguna pula, perlu bijak membuat pilihan dalam pembelian barang keperluan. Ia bukan mudah, tetapi kita perlu belajar supaya tidak merasa terbeban dengan keadaan semasa.

Mainkan peranan sebagai pengguna sebaik mungkin demi kesejahteraan bersama.



THANK
YOU

to all news writers



**From: FBM Corporate
communication team**